

CNS2716

R GB 30-04 00138 BC030

AAB

PENGLIBATAN SEMUA KAUM PERLU DALAM PEMERINTAHAN, KATA PM  
Mahathir - Adil

SANDAKAN, 30 April (Bernama) -- Pemerintahan di Malaysia mesti melibatkan semua kaum agar adil dan tidak berlaku rusuhan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sebarang percubaan untuk merebut kuasa bagi satu kaum sahaja lambat-laun akan mengakibatkan penindasan kaum lain sehingga mencetuskan rusuhan.

+Walaupun UMNO merupakan parti tunggal Barisan Nasional (BN) tetapi ia tidak sekali-kali ada niat untuk menindas orang bukan Islam+, katanya pada jamuan +Perdana Menteri Bersama Rakyat di Hotel Ramada Renaissance di sini malam ini.

+Kita menghormati kepercayaan mereka, kerana kita juga mahu mereka menghormati agama kita,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Sabah tak seharusnya khuatir kerana kerajaan BN tidak akan menindas mana-mana kaum atau agama. -- Lagi

▼30/04/23-15MST

CNS2717

R GB 30-04 00152 BC031

AAB

Mahathir - Adil 2 (akhir) Sandakan

Katanya, kerjasama kaum di kalangan rakyat di Semenanjung begitu baik sehingga mereka boleh hidup bersama.

Tambahnya, sejarah Islam telah membuktikan bahawa kerajaan Islam tidak pernah menindas penganut agama lain malah penganut agama lain sering mencari perlindungan di negara Islam apabila tertindas.

Beliau seterusnya memberi jaminan bahawa kerajaan BN, baik di pusat mahupun di peringkat negeri akan terus berlaku adil terhadap semua kaum dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara.

+Insyaallah, genap 28 tahun akan datang, kita akan menjadi negara maju+ kata beliau.

Yang turut hadir pada jamuan itu ialah Tun Datu Mustapha Datu Harun Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi Tan Sri Haji Sakaran Dandai, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Kadir Sheikh Fadzir. -- Bernama

▼30/04/23-26MST